



MAJLIS DAERAH MERSING

NO. 1, JALAN TUN DR. ISMAIL, 86800 MERSING, JOHOR. TEL : 077981818 FAX : 077993975

E-mail : mdmsg@johor.gov.my

PENGUMUMAN

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA UNTUK MENYEWAKAN BANGUNAN MAJLIS DAERAH MERSING (TANDAS AWAM) SEBAGAI OPERATOR TANDAS DI LOKASI BERIKUT:-

- ✓ TANDAS MERSING HARBOUR CENTER
- ✓ TANDAS GERAI TAMAN NAKHODA

SYARAT-SYARAT :-

1. PERMOHONAN PERLU DIBUAT DI DALAM BORANG YANG BOLEH DIDAPATI DI JABATAN KESIHATAN AWAM, PEJABAT MAJLIS DAERAH MERSING PADA JAM 8.00 PAGI - 4.00 PETANG (AHAD-RABU) 8.00PAGI - 3.00 PETANG (KHAMIS)
2. PEMOHON MESTILAH MEMPUNYAI LESEN KEWANGAN DAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM) SERTA IDENTITI PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEKERJA.
3. PEMOHON YANG MEMPUNYAI KERTAS KERJA OPERASI YANG LENGKAP AKAN DIBERI KEUTAMAAN DAN PERLU DIBENTANG SEMASA SESI TEMUDUGA.

UNTUK KETERANGAN LANJUT MENGENAI SYARAT-SYARAT DI ATAS BOLEH RUJUK PADA LAMPIRAN A.

BORANG PERMOHONAN YANG TELAH LENGKAP DIISI HENDAKLAH DIHANTAR KE JABATAN KESIHATAN AWAM DI MAJLIS DAERAH MERSING PADA ATAU SEBELUM 6 JANUARI 2020

SEKIAN TERIMA KASIH.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MERSING**

02 JANUARI 2020

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Permohonan adalah dipelawa daripada pengusaha-pengusaha Tandas Awam untuk menyewa bangunan Majlis Daerah Mersing (Tandas Awam) sebagai operator tandas milik Majlis Daerah Mersing dengan syarat-syarat berikut :-

- 1. Penyewa (Operator Tandas Awam)**
Terbuka kepada syarikat / orang persendirian / pengusaha-pengusaha yang berminat dan berpengalaman dalam menjaga tandas awam mestilah Warganegara Malaysia.
- 2. Dokumen yang diperlukan**
Pemohon mestilah mempunyai **Lesen Kewangan** dan **Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM)** serta **indentiti Pakaian Seragam** untuk pekerja. Pemohon yang mengemukakan **kertas kerja yang lengkap** berserta pengendalian pekerja, operasi yang dijalankan dan sebagainya akan **diberikan keutamaan**.
- 3. Tanggungjawab Penyewa / Pengusaha**
Penyewa / Pengusaha adalah bertanggungjawab di atas kebersihan tandas awam yang disewakan dan kawasan sekelilingnya. Penyewa / Pengusaha juga adalah bertanggungjawab menyediakan bahan-bahan atau alat kebersihan dengan kos sendirinya. Malahan Penyewa / Pengusaha dikehendaki menanggung segala bayaran penggunaan bekalan air dan elektrik apabila meter berasingan disediakan kelak.
- 4. Hak penyewaan**
Urusan penyewaan adalah sendiri oleh penyewa. Penyewa tidak dibenarkan sama sekali memajak, menyewa atau dalam apa-apa jua bentuk dimana penyewa tidak menjalankan sendiri urusan penyewaan ini.
- 5. Tarikh Tutup**
Sebarang permohonan akan ditutup pada tarikh seperti tawaran yang diiklankan kepada bakal-bakal pemohon.
- 6. Persetujuan**
Pihak Majlis Daerah Mersing akan memberi makluman bertulis kepada pemohon yang berjaya dipilih untuk disenarai pendek (short listed) bagi proses untuk ditemuduga sebelum dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Penyewa Pengusaha Tandas.
- 7. Pertanyaan Daripada Pemohon Yang Tidak Berjaya**
Pihak Majlis Daerah Mersing tidak akan menerima atau melayan mana-mana pihak samada terlibat atau tidak terlibat dalam permohonan ini mengenai sebab-sebab permohonan mereka tidak berjaya.
- 8. Peringatan**
Pemohon yang gagal mematuhi syarat-syarat permohonan yang dikemukakan dalam dokumen ini boleh kehilangan kelayakan untuk dipertimbangkan.